

SIARAN AKHBAR

CBMR-5-RFI-26-K.HARAPAN-V1

25 September 2010

PROGRAM MEMPERKASAKAN KUMPULAN BELIA HARAPAN NEGERI JOHOR

SEMPENA KARNIVAL MALAYSIA INOVATIF 2010 ZON SELATAN

Batu Pahat (25 September) – CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan melaksanakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) dengan mengadakan aktiviti Memperkasakan Kumpulan Belia Harapan dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Parit Sulong Datuk Noraini binti Ahmad. Aktiviti Memperkasakan Kumpulan Belia Harapan ini diadakan bersempena dengan sambutan Malaysia Inovatif 2010 (MI2010) yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat Johor pada 25 dan 26 September 2010.

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor, akan merasmikan MI2010 Zon Selatan dan seterusnya akan melakukan upacara 'flag-off' aktiviti permotoran di mana kira-kira 50 peserta dari Kumpulan Belia Harapan akan berkonvoi menaiki motor kecil dengan kira-kira 20 penunggang motor besar dari Kuala Lumpur. Konvoi tersebut akan bergerak dari UTHM pada jam 11.00 pagi dan dijangka tiba ke Kampong Seri Medan pada jam 12.00 tengahari. Para penunggang Motor Besar akan menunggang motosikal Ducati, BMW, KTM dan Kawasaki.

Setelah tiba di Kampong Seri Medan, para peserta akan melakukan aktiviti sosial seperti mengecat dan membersihkan masjid di Kampong Seri Medan bersama Datuk Noraini Ahmad, MP Parit Sulong.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol. Husin Jazri (Bersara), sehari sebelum aktiviti permotoran dan gotong-royong mengecat serta membersihkan masjid, Kumpulan Belia Harapan akan berpeluang berinteraksi dengan golongan

CyberSecurity Malaysia

(726630-U)



MS ISO/IEC 17025
TESTING SAMM NO. 456

T +603 8946 0999
F +603 8946 0888

Corporate Office:

Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

professional bermotor besar semasa sesi perkongsian ilmu yang akan diadakan pada Sabtu 25 September. Sebanyak lima topik utama akan dibincangkan semasa perkongsian ilmu tersebut, iaitu Tingkahlaku, Cara berfikir, Keselamatan, Konvoi, dan Pengalaman.

Beliau juga menyatakan "objektif aktiviti memperkasakan Kumpulan Belia Harapan serta aktiviti permotoran ini diadakan adalah untuk mendidik Kumpulan Belia Harapan yang adakalanya dikenali sebagai "Mat Rempit" untuk menggalakkan mereka mengambil keputusan menjadi orang yang berjaya melalui perkongsian pengalaman serta pengetahuan dengan *Big Bike Riders* iaitu Penunggang Motor Besar yang kebanyakannya terdiri dari golongan professional di Kuala Lumpur"

Upacara penutup akan diadakan pada jam 4.00 petang, Ahad 26 September 2010 dan satu sesi sidang media bersama CyberSecurity Malaysia dan Datuk Noraini Ahmad, akan diadakan selepas majlis penutup pada jam 4.30 petang di Masjid di Kampong Seri Medan, Parit Sulong, Batu Pahat, Johor. Hadiah-hadiah dan permainan menarik serta cabutan bertuah turut disediakan untuk para peserta.

Selain daripada aktiviti Memperkasakan Kumpulan Belia Harapan, terdapat juga pelbagai aktiviti inovasi untuk semua lapisan masyarakat di sepanjang Karnival MI2010 Zon Selatan yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Antaranya adalah pameran hasil inovasi rakyat tempatan yang dihasilkan daripada kreativiti masing-masing bagi menyelesaikan masalah tertentu, pertandingan-pertandingan inovasi untuk pelbagai kumpulan umur, bengkel dan ceramah interaktif, InnoMarket dan program Cabaran Angkasawan. Turut dilaksanakan juga adalah Malam Kreativiti Muzikal yang berlangsung bermula dari jam 8.00 malam pada Sabtu 25 September 2010.

Karnival Malaysia Inovatif Zon Selatan dijangka mendapat sambutan hebat dari penduduk Negeri Johor dan kawasan berhampiran seperti dari selatan Negeri Melaka.

"Sesungguhnya karnival seumpama ini banyak memberi manfaat terutama kepada golongan remaja serta anak-anak muda yang merupakan pelapis kepada membangunkan Negara", kata Lt. Kol. Husin lagi.

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: www.facebook.com (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my /

Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my